

‘Me & You’ : Penyelesaian Masalah untuk Mencapai Status *Blended Learning* Bagi Platform CIDOS di Kalangan Pensyarah JMSK di POLIMAS

¹Che’ Rohalan binti Ahmad, ²Khamisah binti Abd Hadi, ³Che Rogayah binti Desa
Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, POLIMAS

¹cherohalan@gmail.com, ²cammyhadi@gmail.com, ³cherogayahdesa@gmail.com

Abstrak: Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengatasi masalah para pensyarah di JMSK, POLIMAS yang tidak mencapai status *Blended Learning* (BL) bagi kursus-kursus di dalam platform Curriculum Information Document Online System (CIDOS). Tinjauan awal telah dilakukan pada minggu ke sembilan dalam sesi pengajian Jun 2020 dengan menganalisa data dan rekod yang diperolehi dari portal CIDOS. Analisa mendapati 35% atau sebanyak 22 platform yang diajar oleh 12 orang pensyarah Jabatan Matematik, Sains Dan Komputer, Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS) masih belum mencapai status BL. Pendekatan aktiviti ‘Me & You’ telah dilaksanakan selama lima minggu iaitu dari minggu ke-10 hingga minggu ke-14. Aktiviti ini memfokuskan kepada memberi bimbingan kepada pensyarah yang terlibat mengenai item-item yang perlu dilengkapkan bagi mencapai status BL. Hasil pemantauan direkodkan dengan mengisi borang *Blended Learning Status Checklist*. Berdasarkan kepada perbandingan keputusan analisa sebelum dan selepas aktiviti ‘Me & You’ dijalankan, telah berlaku peningkatan peratus pencapaian pensyarah yang berstatus BL pada setiap minggu bermula dari minggu ke-10 hingga minggu ke-14 iaitu masing-masing mencatatkan sebanyak 68.3% (minggu ke-10), 73.0% (minggu ke-11), 82.5% (minggu ke-12), 97.0% (minggu ke-13) dan akhirnya berjaya mencapai 100% (minggu ke-14). Melalui aktiviti ini, pensyarah yang terlibat semakin faham mengenai kriteria yang diperlukan untuk mencapai status BL. Hal ini menunjukkan intervensi yang diambil dalam kajian ini adalah tepat dan berkesan. Walaupun terdapat halangan yang dihadapi sewaktu melaksanakan kajian ini seperti kesukaran untuk mencari kesesuaian masa antara mentor dan coachee, namun akhirnya aktiviti ‘Me & You’ dapat dijalankan dengan jayanya.

Kata Kunci: *Blended Learning, Platform CIDOS, Mentor dan Coachee*

1.0 PENDAHULUAN

Selaras dengan visi Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) untuk menjadi peneraju institusi *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) yang unggul, Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD) telah mewujudkan satu sistem pengurusan pembelajaran atau *learning management system* (LMS) yang dikenali sebagai *Curriculum Information Document Online System* (CIDOS). Platform digital ini dibangunkan sebagai pusat sehati kepada pensyarah dan para pelajar untuk berkongsi bahan dan maklumat bagi memantapkan lagi proses pembelajaran secara bersemuka di dalam kelas supaya proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dapat disampaikan dengan lebih berkesan.

Di dalam platform ini juga disediakan pelbagai jenis bahan pembelajaran seperti nota, soalan-soalan latihan dan tugas dalam bentuk *portable document format* (PDF), video tutorial atau *podcast*, *ebook*, forum perbincangan serta pautan ke laman sesawang yang berkaitan untuk memperkukuhkan lagi aktiviti pembelajaran di dalam kelas. Penggabungan pembelajaran di dalam kelas dan penggunaan teknologi ini atau dikenali sebagai pembelajaran teradun (*blended learning*), secara tidak langsung membolehkan pembelajaran kini diakses di mana sahaja dan pada bila-bila masa.

Setiap kursus yang ditawarkan di politeknik diwajibkan untuk mempunyai sebuah platform. Platform ini perlu disediakan oleh para pensyarah yang mengajar kursus berkenaan.

Salah satu daripada *key performance indicator* (KPI) yang telah ditetapkan oleh BIPD dan perlu dicapai oleh setiap politeknik adalah untuk mendapatkan status *blended learning* (BL) sekurang-kurangnya 70% daripada keseluruhan platform di politeknik tersebut. Maka, setiap jabatan di politeknik itu perlu memainkan peranan masing-masing bagi memastikan KPI tersebut dapat dicapai.

Bagi mendapatkan status BL, sesuatu platform itu perlu memenuhi beberapa kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak BIPD. Antaranya ialah telah memuat naik *Blended Learning Distribution Table* (BLDT) dan *Blended Learning Fulfillment Record* (BLFR) kursus serta memperoleh sekurang-kurangnya 60% capaian pelajar bagi item-item dalam *course intro*, *eContent/Forum/Discussion* dan *Online Assessment*. Status BL ini perlu dicapai oleh setiap pensyarah sebelum berakhirnya minggu pengajian iaitu pada minggu ke-14 bagi setiap sesi pengajian di politeknik.

2.0 REFLEKSI AMALAN YANG LALU

Beberapa siri kursus telah diberikan kepada para pensyarah untuk membantu mereka membangunkan platform dan menyediakan bahan yang diperlukan dalam setiap platform sejak tahun 2018 lagi. Selain itu, beberapa peringatan turut diberikan bagi memastikan para pensyarah sentiasa mengemaskini platform kursus masing-masing. Namun begitu, disebabkan beberapa faktor yang mungkin wujud seperti kekangan masa serta lambakan tugas hakiki dan tugas sampingan yang lain menyebabkan masih terdapat beberapa platform yang masih belum mencapai status BL walaupun minggu ke-14 telah berakhir pada sesi-sesi pengajian yang lalu. Keadaan ini sedikit sebanyak menjadi punca kepada kesukaran untuk mencapai KPI jabatan.

Kami telah dilantik sebagai Penyelaras dan ahli jawatan kuasa *eLearning* Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) telah dipertanggungjawabkan bagi memastikan KPI tersebut berjaya dicapai di JMSK. Atas tugas itu, maka kami mengambil inisiatif untuk mencari suatu kaedah yang sesuai bagi membantu pensyarah platform terbabit untuk melengkapkan kriteria yang diperlukan bagi memenuhi kriteria BL.

Berdasarkan kepada hasil pemantauan pada minggu ke-9 dalam sesi pengajian Jun 2020, didapati bahawa peratus platform berstatus BL agak rendah iaitu hanya 65.0%. Masih terdapat 22 buah platform daripada 63 buah platform keseluruhannya di JMSK yang belum memenuhi kriteria yang diperlukan bagi melayakkannya mendapat status BL. Justeru itu, kami mencuba aktiviti '*Me & You*' untuk membantu pensyarah-pensyarah tersebut dalam memastikan platform mereka berjaya mencapai status BL sebelum berakhirnya sesi Jun 2020 ini.

3.0 FOKUS KAJIAN

Pada sesi Jun 2020, terdapat 63 buah platform telah dibina dalam portal CIDOS untuk para pensyarah di JMSK pada awal semester. Setiap platform ini perlu mendapat status BL selewat-lewatnya pada minggu terakhir pengajian bagi memenuhi KPI politeknik dan BIPD. Namun begitu, semakan awal pada minggu ke-9 mendapati masih terdapat 22 buah platform yang masih belum mencapai status BL ini. Maka, fokus kajian ini adalah untuk mencari kaedah

alternatif bagi membantu setiap pensyarah kepada 22 platform ini untuk mencapai status BL sebelum sesi pengajian Jun 2020 berakhir pada minggu ke-14.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

4.1 Objektif Am

Memastikan semua platform pensyarah JMSK telah mencapai status BL pada minggu ke-14 sesi pengajian Jun 2020.

4.2 Objektif Khusus

1. Mengenalpasti pensyarah dan platform yang belum mencapai status BL .
2. Mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pensyarah terlibat untuk mencapai status BL.

5.0 KUMPULAN SASARAN

JMSK mempunyai 28 orang pensyarah yang mengajar 63 buah kursus daripada pelbagai jabatan pada sesi Jun 2020. Setiap kursus ini mempunyai sebuah platform di dalam CIDOS sebagai medium tambahan untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran selain daripada aktiviti di dalam kelas. Melalui semakan awal pada minggu ke-9 mendapati bahawa masih terdapat 22 buah platform di bawah kelolaan 12 orang pensyarah yang masih belum memenuhi syarat untuk mencapai status BL. Oleh itu, kumpulan sasaran kajian ini terdiri daripada 12 orang pensyarah yang mempunyai akses kepada 22 buah platform tersebut yang masih belum mencapai status BL pada minggu ke-9 sesi Jun 2020. Mereka terdiri daripada tujuh orang lelaki dan lima orang perempuan.

6.0 PERANCANGAN & PELAKSANAAN TINDAKAN


6.1 Pemantauan Awal

Pada peringkat awal, kami membuat pemantauan berdasarkan kepada data yang diperolehi daripada platform CIDOS. Kami membuat semakan seawal minggu ke-7 bagi memantau peratus pencapaian platform yang telah mendapat status BL. Proses ini penting bagi mengenalpasti sekiranya masih terdapat pensyarah dan platform yang belum mencapai status BL. Sekiranya ini berlaku, tindakan susulan boleh dilaksanakan agar di akhir semester ini, kesemua platform berjaya mendapat status BL.

Pemantauan awal ini dibuat ke atas 63 buah platform yang diwujudkan di dalam CIDOS bagi sesi Jun 2020 yang melibatkan kesemua kursus matematik dan sains yang ditawarkan di JMSK. Pemantauan ini dilakukan sebanyak 3 kali iaitu pada 1 September 2020 (minggu ke-7), 8 September 2020 (minggu ke-8) dan 15 Oktober 2020 (minggu ke-9).

Berdasarkan kepada analisa data yang diperolehi melalui platform CIDOS, didapati bahawa berlaku peningkatan terhadap peratusan platform yang mencapai status BL pada setiap

minggu. Bermula dengan 42.9% yang mewakili 27 buah platform yang telah berstatus BL pada minggu ke-7, peratusan ini telah meningkat kepada 61.9% (39 buah platform) pada minggu berikutnya iaitu pada minggu ke-8. Pada akhir minggu pemantauan, peratusan ini telah melonjak kepada 65.0% yang mewakili sebanyak 41 buah platform pada minggu ke-9 (rujuk **Rajah 1**).



Rajah 1. Analisa data CIDOS bagi Bilangan dan Peratusan Platform Yang Telah Berstatus BL Pada Minggu ke-7 hingga Minggu ke-9.

Pada minggu ke-9 ini, didapati masih berbaki 22 buah platform yang masih belum mencapai status BL. Kesemua platform ini dapat diagihkan kepada 12 orang pensyarah kursus seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 2**. Mereka terdiri daripada tujuh orang pensyarah lelaki dan lima orang pensyarah perempuan. Masing-masing mempunyai 1 hingga 3 kursus mengikut kursus yang diajar. Sehubungan itu, kami merancang untuk melaksanakan satu aktiviti bagi memastikan keemua mereka berjaya mencapai status BL bagi setiap platform tersebut.

Hasil perbincangan kami, maka satu aktiviti yang dinamakan sebagai ‘*Me & You*’ akan dilaksanakan. Aktiviti ‘*Me & You*’ ini akan difokuskan kepada 12 orang pensyarah yang terlibat bermula dari minggu ke-10 hingga minggu ke-14 atau sehingga platform masing-masing berjaya mendapat status BL.



Rajah 2. Pensyarah dan Platform Yang Belum Berstatus BL Pada Minggu ke-9.

6.2 Aktiviti 'Me & You'

Aktiviti 'Me & You' ini akan melibatkan 12 orang pensyarah dan 4 orang ahli jawatan kuasa *eLearning* JMSK. Pendekatan aktiviti ini adalah berasaskan kepada konsep *Coaching and Mentoring* di mana setiap pensyarah yang terlibat atau *coachee* akan dibimbing oleh seorang ahli jawatan kuasa *eLearning* JMSK yang dipanggil sebagai *mentor*.

Pendekatan menggunakan konsep *Coaching & Mentoring* dalam membantu meningkatkan pencapaian individu atau organisasi telah banyak menunjukkan kejayaan. Dalam kajian yang telah dilakukan oleh Siti Noraqilah dan Wan Hamin Nadrah (2018) terhadap 138 orang staf Politeknik Melaka mendapati sesi *coaching* yang dilaksanakan memberikan kesan positif terhadap prestasi pekerja. Namun, faktor kejayaan ini turut dipengaruhi oleh faktor pekerja, pembimbing dan organisasi.

Pendekatan ini tidak terbatas untuk golongan pekerja atau organisasi sahaja, bahkan ianya juga sesuai dipraktikkan kepada golongan pelajar. Pembelajaran secara *coaching & mentoring* ini telah banyak membantu pelajar untuk meningkatkan pencapaian mereka dalam topik-topik tertentu (Norihan & Roveena Herleen, 2019).

Menurut Azman (2017), *coaching* dilihat sebagai pelengkap kepada penyelesaian yang lain-lain yang mana ia boleh membawa kepada peningkatan prestasi kerja, motivasi dan kepuasan kerja. Ini kerana *coaching* membantu *coachee* meneroka dan memahami diri, potensi serta keadaan mereka sendiri yang membolehkan mereka mencari penyelesaian kepada permasalahan mereka sendiri. Ia dilaksanakan dalam jangka waktu yang tertentu dan boleh dilakukan dari individu yang tiada pengalaman dalam bidang tersebut.

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, *mentoring* bermaksud proses pertolongan yang diberikan oleh seseorang yang berpengalaman (*mentor*) terhadap sesuatu bidang kepada individu baharu (*mentee*) untuk meningkatkan kemahiran mereka. Proses *mentoring* ini boleh berlaku untuk tempoh masa yang lebih panjang. Dalam *mentoring*, seseorang *mentor* itu akan

membimbing, memandu dan memberi fokus kepada kemajuan dan perkembangan diri *mentee* dari masa ke semasa (Prof. Dr. Supyan Hussin, 2018).

Mentor bertindak sebagai pemboleh ubah atau peramal yang penting kepada kejayaan kerjaya *mentee*. *Mentor* berperanan menerangkan dan memberi tunjuk-ajar kepada *mentee* agar fungsi kerjaya dan fungsi psikosial dapat ditingkatkan (Nor'Ain et al, 2020).

Konsep aktiviti 'Me & You' ini diambil daripada Modul Latihan Asas *Coaching & Mentoring* Dalam Pendidikan yang dibangunkan oleh Abdul Razak bin Alias. Dalam aktiviti ini, bimbingan akan diberikan secara berperingkat pada setiap minggu oleh *mentor* sehingga *coachee* tersebut berjaya mencapai status BL. Hasil perbincangan antara *mentor* dan *coachee* akan direkodkan dalam buku log 'Me & You'.

Dalam aktiviti ini, 12 orang pensyarah atau *coachee* terbabit telah dibahagikan kepada 4 orang *mentor*. **Jadual 1** di bawah menunjukkan agihan *coachee* kepada *mentor* masing-masing.

Jadual 1. Agihan *Coachee* dan *Mentor* Untuk Sesi Jun 2020

Bil	Coachee	Platform	Mentor
1	Nurulhuda binti Muhamad Nasir	DEM 2A (DBM20023)	Che' Rohalan binti Ahmad
2	Marina binti Mat Isa	DDT 2A (DBM20083)	
3	Normah binti Adnan	DEE 3A (DBM30043) DET 1B (DBM10013)	
4	Syed Jamil Rusydi bin Syed Baharom	DEE 1B (DBS10012) IPS2 (PBS2014)	
5	Md Nazari bin Ismail	DPB 2A (DBM20023) DET 1A (DBM10013) DET 1E (DBM10013)	Fariha binti Ayob
6	Mohamad Nasir bin Rejab	DET 1A (DBS10012) DET 1E (DBS10012)	
7	Azrol bin Jailani	DPB 1B (DBS10012)	Khamisah binti Abd Hadi
8	Mohd Safirul bin Ismail	DEE 1C (DBS10012) DJL 1A (DBM10013)	
9	Harisa binti Mohamad Saad	DET 3C (DBM30043)	
10	Siti Haida binti Harris	DMK 1B (DBM10013)	Marina binti Mat Isa
11	Noorhafiza binti Mahmud	DET 1D (DBM10013) DEM 1A (DBM10013) IPS2 (PBM2024)	
12	Noor Affande bin Abdul Rahman	DKA 1C (DBM10013) DPB 1B (DBM10013) IPS2 (PBM2014)	

Pemantauan dilakukan pada setiap minggu bagi mengetahui peratus pencapaian BL yang terkini. Perkembangan platform bagi setiap *coachee* akan direkodkan di dalam borang *Blended Learning Status Checklist*. **Jadual 2** berikut menunjukkan tarikh pemantauan yang dilaksanakan pada setiap minggu:

Jadual 2. Tarikh Pemantauan Yang Dilaksanakan Pada Setiap Minggu.

Bil	Minggu	Tarikh
1	10	22 Oktober 2020
2	11	29 Oktober 2020
3	12	5 November 2020
4	13	12 November 2020
5	14	19 November 2020

Mentor akan berjumpa dengan setiap *coachee* yang telah dipertanggungjawab bagi membantu mereka mengemaskini platform masing-masing pada setiap minggu. Masa pertemuan bergantung kepada masa yang bersesuaian dan telah dipersetujui bersama. Setiap pertemuan bersama *coachee* perlu direkodkan oleh *mentor* dalam buku log '*Me & You*'.

7.0 PEMERHATIAN

7.1 Analisis Aktiviti '*Me & You*'


Semakan yang dilakukan pada 22 Oktober 2020 melalui analisis data CIDOS menunjukkan bahawa berlakunya pertambahan sebanyak 2 buah platform yang baharu berstatus BL selepas aktiviti '*Me & You*' dilaksanakan pada minggu ke-10. Ini menjadikan jumlah keseluruhan platform yang telah berstatus BL adalah sebanyak 43 buah platform. Masalah yang dihadapi oleh kedua-dua platform DPB 1B (DBS10012) dan DJL 1A (DBM10013) adalah sama iaitu hanya tidak memuat naik BLDT dan BLFR ke dalam sistem CIDOS. Maka, hanya dengan sekali pertemuan antara *coachee* dan *mentor* telah berjaya menukarkan status platform tersebut kepada BL.

Semakan kedua iaitu pada 29 Oktober 2020 pula menunjukkan peningkatan peratusan kepada 73.0% bila mana berlaku pertambahan sebanyak 3 buah platform lagi. Peratusan ini telah mencapai KPI BIPD yang memerlukan sekurang-kurangnya 70% daripada keseluruhan platform mencapai status BL. Tiga buah platform yang berjaya menukar status kepada BL pada minggu ini adalah DDT 2A (DBM20083), DEE 1B (DBS10012) dan DET 3C (DBM30043). Dengan bimbingan pada 2 kali pertemuan, platform DDT 2A dan DET 3C telah meningkatkan peratus *eContent/Forum/Discussion* masing-masing daripada 49.1% dan 41% kepada 90%. Melalui aktiviti '*Me & You*' ini, *mentor* telah menunjukkan kepada *coachee* cara-cara untuk mengesan pelajar yang masih belum memuat turun nota yang telah disediakan di dalam platform. Dengan ini, *coachee* boleh terus memantau pelajar dan meminta mereka yang berkenaan untuk memuat turun nota-nota tersebut. Manakala platform DEE 1B pula telah berjaya memuat naik BLDT dan BLFRnya ke dalam CIDOS sekali gus mencapai status BL.

Semakan minggu ke-12 iaitu pada 5 November 2020 mendapati peratusan keseluruhan telah mencapai 82.5%. Ini bermakna 52 buah platform telah mencapai status BL. Pada minggu ini, didapati platform DEM 2A (DBM20023), DEE 1C (DBS10012), DMK 1B (DBM10013), DET 1D (DBM10013), DEM 1A (DBM10013) dan IPS 2 (PBM2024) telah mencapai status BL setelah masing-masing berjaya memuat naik BLDT dan BLFR dalam platform CIDOS, meningkatkan peratus *eContent/Forum/Discussion* melepasi tahap minimum 60% serta membuat penilaian kuiz dan tugas secara atas talian.

Setelah empat minggu melaksanakan aktiviti 'Me & You' ini, didapati bahawa para *coachee* semakin bersemangat untuk mencapai status BL pada platform masing-masing. Ini jelas ditunjukkan apabila bilangan platform yang berstatus BL telah meningkat kepada 61 buah. Semakan analisis data CIDOS pada 12 November 2020 ini memaparkan peratusan yang semakin tinggi iaitu sebanyak 97.0%. Pada kali ini, platform DEE 3A (DBM30043), DET 1B (DBM10013), IPS 2 (PBM2014), DET 1A (DBS10012) dan DET 1E (DBS10012) berhasil mendapatkan status BL setelah berjaya meningkatkan peratus *eContent/Forum/Discussion* dan *Online Assesment* masing-masing. Sementara itu, *coachee* juga telah berjaya mewujudkan platform DPB 2A (DBM20023), DET 1A (DBM10013) dan DET 1E (DBM10013) setelah mendapat bimbingan daripada *mentor* selama empat minggu.

Walaupun hanya berbaki dua buah platform lagi iaitu DPB 1B (DBM10013) dan IPS 2 (PBM2014) yang masih perlu dikemaskini oleh *coachee*, namun *mentor* masih meneruskan bimbingan mereka pada minggu ke-14 sehinggalah kesemua 63 buah platform di JMSK berjaya mencapai status BL. Semakan terakhir yang dilakukan pada 19 November 2020 membuktikan bahawa peratus pencapaian platform berstatus BL di JMSK telah mencapai 100%. **Rajah 3** di bawah menunjukkan peningkatan peratusan platform yang telah berstatus BL sepanjang aktiviti 'Me & You' ini dilaksanakan.



Rajah 3. Analisa data CIDOS bagi Bilangan dan Peratusan Platform Yang Telah Berstatus BL Pada Minggu ke-10 hingga Minggu ke-14.

8.0 REFLEKSI & KESIMPULAN

Aktiviti 'Me & You' ini yang menekankan konsep *coaching & mentoring* telah berjaya menyelesaikan masalah dalam kajian ini. Ini menyokong dapatan kajian sebelum ini yang membuktikan keberkesanan konsep ini dalam meningkatkan pencapaian dan motivasi *mentee* seperti kajian-kajian yang telah dilakukan oleh Nor'Ain et al (2015) dan Aishah & Nurul Sabrina.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah berjaya mencapai objektif utamanya iaitu untuk memastikan kesemua 63 buah platform pensyarah JMSK telah mencapai status BL pada minggu ke-14 sesi pengajian Jun 2020. Selain itu, sebanyak 22 buah platform yang dimiliki

oleh 12 orang pensyarah telah berjaya dikenalpasti masih belum berstatus BL pada minggu ke-9. Semakan melalui analisis data CIDOS pada setiap minggu bermula pada minggu ke-7 hingga minggu ke-14 telah berjaya memantau pensyarah dan platform yang menghadapi masalah untuk melengkapkan kriteria yang diperlukan untuk melayakkan mereka mencapai status BL. Mereka yang terlibat ini telah diberikan bimbingan dan bantuan melalui aktiviti 'Me & You'.

Hasil pelaksanaan aktiviti 'Me & You' sepanjang lima minggu ini telah mengenalpasti beberapa masalah sebagai punca mengapa platform yang terlibat sukar mencapai status BL. Hasil maklum balas yang diperoleh melalui buku log 'Me & You' mendapati antara masalah yang banyak dihadapi oleh *coachee* ialah:

- i. Pensyarah kurang mahir dengan *tools* di dalam CIDOS seperti cara untuk masukkan kuiz, tugasan, forum, menyediakan platform kelas masing-masing dan sebagainya.
- ii. Pelajar tidak *enroll* ke dalam platform pensyarah walaupun pensyarah telah memberi *password* kelas masing-masing kepada mereka.
- iii. Pensyarah dan pelajar kurang menggunakan CIDOS kerana mempunyai alternatif lain untuk melaksanakan kelas secara atas talian seperti menggunakan aplikasi *MS Teams* dan *Google Meet*.
- iv. Pensyarah tidak memuat naik BLDT dan BLFR ke dalam platform masing-masing.
- v. *Service Uptime* CIDOS tidak konsisten dan *server* selalu *down*. Ini mengganggu kelancaran PdP seperti melaksanakan kelas menggunakan *bigblue button*, membuat kuiz atau ujian secara atas talian atau semasa ingin memuat naik dan memuat turun dokumen di dalam CIDOS.

Melihat kepada keberkesanan aktiviti 'Me & You' dalam membantu menyelesaikan masalah pensyarah yang belum mencapai status BL, maka aktiviti ini boleh diteruskan oleh JMSK untuk sesi-sesi yang akan datang bagi mencapai KPI BIPD ini. Aktiviti ini juga boleh dicadangkan kepada jabatan-jabatan lain yang turut sama menghadapi masalah ini supaya POLIMAS secara amnya dapat mencapai 100% platform berstatus BL.

RUJUKAN

- Abdul Razak bin Alias. Modul Latihan Asas: *Coaching & Mentoring* Dalam Pendidikan – Konsep, Peranan, Proses, membina Kepercayaan, Model dan Praktis. Institut Aminuddin Baki. <http://srikemuningindah.orgfree.com/cdm%20nota%20asas.pdf>
- Aishah Mohd Sidi & Nurul Sabrina Khairuddin. Mentor-Mentee: Meningkatkan Pencapaian Dan Motivasi Pelajar Pastrri Kolej Komuniti Ledang. Ms 852 – 859. https://icge.unespadang.ac.id/asset/file/files/icge%20VI/vol%201/1.%20PROCEEDING%20VOLUME%201_1_87.pdf
- Azman bin Safii. 2017. *Coaching dan Mentoring* dalam Pendidikan. <https://azmanss.blogspot.com/2017/05/coaching-mentoring-dalam-pendidikan.html>
- Norihan Mahmood & Roveena Herleen Hussain Meah. 2019. Kesan Pendekatan *Mentoring & Coaching* Terhadap Pencapaian Topik Algebra Bagi Kursus *Engineering Mathematics* 1. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue (2019) e-ISSN:2289-8042. http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/special3/jsass_khas02_001_norihan.pdf

- Nor' Ain Abdullah, Azman Ismail, Azmawaty Mohamad Nor, Norhafizah Abu Hasand & Oswatun Samate. 2020. Peranan Mentor Dalam Meningkatkan Kejayaan Kerjaya Menti: Satu Kajian Di Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. *Journal of Nusantara Studies* 2020, Vol 5(1). Universiti Sultan Zainal Abidin. ISSN 0127-9386 ms 315-335. [https://www.researchgate.net/publication/338982270 PERANAN MENTOR DALAM MENINGKATKAN KEJAYAAN KERJAYA MENTI SATU KAJIAN DI JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA](https://www.researchgate.net/publication/338982270_PERANAN_MENTOR_DALAM_MENINGKATKAN_KEJAYAAN_KERJAYA_MENTI_SATU_KAJIAN_DI_JABATAN_PERKHIDMATAN_AWAM_MALAYSIA)
- Nor' Ain Abdullah, Azman Ismail, Mohd Fazir Abd Latif, Najihah Omar. 2015. Peranan Program Pementoran Dalam Meningkatkan Kejayaan Menti: Kajian Empirikal Amalan Komunikasi Di Sebuah Universiti Awam Malaysia. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 11 issue 10. Ms 89 - 100. http://journalarticle.ukm.my/9536/1/8x.geografia-si-sept15-nurain-edam_%281%29.pdf
- Prof. Dr. Supyan Hussin. 2018. *Kemahiran Mentoring: Membimbing dan Memantau*. Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://notasupyan.files.wordpress.com/2018/02/kemahiran-mentoring.pdf>
- Siti Noraqilah Hisham@Dalha & Wan Hanim Nadrah Wan Muda. 2018. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelaksanaan Coaching Terhadap Prestasi Pekerja Dalam Organisasi. *Online Journal for TVET Practitioners*. Vol 3 No 1 (2018). <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4829/2902>